

PENYATA PRINSIP NOTIS DAN PILIHAN

Berikutan dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang telah berkuatkuasa pada 15 November 2013 dan juga bersamaan dengan usaha kami secara berterusan dalam memastikan bahawa data peribadi anda adalah selamat dan terjamin, di sini kami ingin menerangkan bagaimana data peribadi anda yang dikumpul oleh kami dikendalikan dan bagaimana anda boleh mengawal penzahiran data peribadi anda oleh kami.

Sila ambil perhatian bahawa kami berhak untuk meminda Notis ini dari semasa ke semasa. Oleh itu, anda dinasihatkan agar sentiasa merujuk Notis untuk sebarang kemaskini atau perubahan.

PEMBERIAN DATA PERIBADI

Anda mempunyai pilihan mengenai jenis data peribadi yang hendak dizahirkan kepada kami. Walau bagaimanapun, sudah semestinya akan terdapat maklumat-maklumat wajib yang kami perlukan untuk tujuan pemprosesan permohonan anda dan/atau permohonan tender dan/atau seterusnya menawarkan perkhidmatan yang efektif kepada anda. Oleh itu, sekiranya terdapat kekurangan maklumat atau sebarang kegagalan dalam menzahirkan maklumat yang diperlukan oleh kami, maka adalah berkemungkinan kami tidak akan dapat memproses permohonan anda dan/atau permohonan tender dan/atau menawarkan perkhidmatan kepada anda.

JENIS MAKLUMAT

Secara amnya, maklumat peribadi yang akan kami kumpul adalah nama, nombor kad pengenalan atau passport, umur, tarikh lahir, akademik, bangsa dan etnik, maklumat perhubungan (termasuk alamat, telefon, telefon bimbit, nombor faks dan alamat emel), maklumat keluarga, perihal pekerjaan dan maklumat-maklumat lain yang dikumpul melalui cara-cara seperti:-

- Data peribadi yang diberi oleh anda melalui borang permohonan, dokumen tender, perjanjian, kaji selidik atau aktiviti promosi;
- Data peribadi yang berada di domain awam;
- Melalui transaksi atau gabungan dengan pihak ketiga berkaitan dengan SESB;
- Laman web SESB;
- Agensi pihak ketiga, contohnya penguatkuasa, perundangan dan entiti kerajaan.

MENGAPA DATA PERIBADI ANDA DIPERLUKAN?

Data peribadi anda akan diproses dan digunakan dalam transaksi harian SESB yang mana akan termasuk tujuan-tujuan berikut:-

- Permohonan bekalan elektrik, termasuk tetapi tidak terhad kepada skim tariff khas dan program khas yang ditawarkan oleh SESB;
- Permohonan pekerjaan di SESB atau latihan oleh SESB;
- Mengesahkan identiti;
- Menyertai proses tender/perolehan di SESB;
- Menyertai sebagai kontraktor/vendor;
- Menawarkan perkhidmatan kepada anda;
- Mengemaskini rekod;
- Berhubung dengan anda;
- Pengurusan risiko dan perlindungan terhadap penipuan;
- Untuk mematuhi keperluan peraturan dan undang-undang;
- Untuk siasatan, menguatkuasa hak undang-undang dan/atau mendapat nasihat undang-undang;
- Untuk tujuan khusus yang dipersetujui anda; dan
- Untuk tujuan-tujuan lain yang berkaitan dan bersampingan dengan yang di atas.

PENZAHIRAN DATA PERIBADI ANDA

Kami akan memastikan agar data peribadi anda adalah sentiasa sulit pada setiap masa. Penzahiran kepada pihak ketiga di luar SESB adalah berdasarkan persetujuan anda (dan had-had, sekiranya ada) dan/atau setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang, peraturan-peraturan dan garis panduan. Sila ambil perhatian bahawa kami akan menzahirkan data peribadi anda antara bahagian, jabatan dan/atau unit dalaman SESB dan juga kepada kategori pihak ketiga berikut atas tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas yang mana senarai pihak ketiga ini akan dikemaskini dari masa ke semasa (pihak ketiga tersebut mungkin juga akan memproses data peribadi anda atas tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas):-

- Pembekal perkhidmatan luar;
- Ejen, kontraktor dan/atau pekerja mereka yang bertindak bagi pihak kami atau dilantik untuk bertindak bagi pihak kami;
- Entiti dan/atau sekutu SESB di dalam atau di luar Malaysia;
- Perunding/penasihat profesional termasuk jurutera, peguam, akauntan, auditor, insurans & broker atas keperluan untuk mengetahui bagi tujuan untuk mereka menawarkan perkhidmatan kepada kami;
- Sekiranya diperlukan, kepada penguatkuasa, badan kerajaan atau pihak berkuasa kerajaan bagi melaksanakan fungsi penguatkuasaan di bawah undang-undang atau berkaitan dengan apa-apa perintah atau penghakiman Mahkamah;

Kami akan memastikan agar kategori pihak ketiga di atas mengambil langkah wajar dan berpatutan bagi menjaga kerahsiaan maklumat anda yang telah dizahirkan.

Data peribadi anda akan disimpan mengikut prosedur pemfailan kami dan juga dalam bentuk elektronik.

AKSES KE MAKLUMAT ANDA

Sekiranya anda ingin mengakses, mengemaskini atau membetulkan rekod data peribadi anda, anda bolehlah melawat mana-mana cawangan SESB atau melalui laman web SESB untuk berbuat demikian.

Berdasarkan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, SESB merizabkan hak untuk mengenakan fi pentadbiran bagi tujuan tersebut.

PERTANYAAN ATAU ADUAN

Untuk sebarang pertanyaan, komen, persoalan atau sekiranya ingin membuat aduan, anda boleh menghubungi kami di:-

Ketua Pegawai Data Peribadi

Sabah Electricity Sdn. Bhd.
Wisma SESB,
Jalan Tunku Abdul Rahman,
88673 Kota Kinabalu, Sabah.

Tel: 088-282372

Fax: 088-282284

Laman Web: <http://www.sesb.com.my/>